

# Pakar diajak bincang tingkat pendidikan pertanian

Oleh **Norzilawati Abdul Halim**

---

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan mengadakan sesi sumbang saran disertai pakar dalam pelbagai bidang pertanian di universiti itu bagi mengenal pasti skop dan strategi dalam usaha menjadikannya sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pertanian, Isnin ini.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie, berkata hasil pertemuan itu nanti akan dibincangkan dengan Kementerian Pengajian Tinggi, sebelum ia dikemukakan kepada Kabinet.

Sambil mengucapkan terima kasih atas pengiktirafan kerajaan dengan menjadikan UPM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pertanian seperti diumumkan Bajet 2005, beliau berkata:

“Keputusan kerajaan itu menjadi pemangkin kepada satu lagi matlamat dalam pelan strategi UPM bagi meningkatkan keupayaannya sebagai pusat pengajian dan rujukan pertanian serta biosumber terkemuka pada peringkat antarabangsa.

“Universiti ini sentiasa menyokong dan akan terus memberi sumbangan bagi meningkatkan lagi pembangunan dan kemajuan sektor pertanian, khususnya menerusi pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional.

“Kita menyambut baik hala tuju kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai pengeluar global pertanian berkualiti tinggi, selamat dan memenuhi piawaian antarabangsa. UPM sendiri telah menjadikan bidang agrobio (pertanian dan biologi) sebagai bidang keutamaan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Berita Harian*

nya.

- Beliau berkata demikian kepada *Berita Harian* selepas majlis pelancaran Pesta Konvokesyen sempena Konvokesyen UPM ke-28 (Sidang Ketiga) oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dr Zainul Ariff Hussain di Bukit Ekspo, Serdang, semalam.

Dalam Bajet 2005 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, minggu lalu, satu daripada tiga tumpuan bagi menjadikan Malaysia pengeluar global yang kompetitif bagi produk pertanian berkualiti tinggi, selamat dan memenuhi piawaian antarabangsa ialah membangunkan sumber tenaga mahir dengan menjadikan UPM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pertanian.

Dr Mohd Zohadie menjelaskan pihaknya juga membuat perbincangan mengenai perkara sama dengan Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sebelum ini.

"Kita telah mengadakan perbincangan untuk mengkaji semula kurikulum program pengajian bidang pertanian bagi meningkatkan lagi impak, khususnya melahirkan tenaga mahir dan profesional dan menjadikan sektor pertanian sebagai satu lagi cadang kerjaya," katanya.

Sementara itu, Dr Zainul Ariff, berkata pengiktirafan kerajaan dengan melantik UPM sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan pertanian membuktikan universiti itu mempunyai kepakaran dan keupayaan.

"Sumbangan UPM bukan sekadar melahirkan ciptaan inovatif bagi mempertingkatkan pengeluaran pertanian dan pendapatan masyarakat tani, malah memartabatkan golongan ini, katanya.